



Ruj. Kami : JHEAT.02-008/3 Bhg. 23 (1)
Bertarikh . // Safar 1439
Bersamaan : j Oktober 2017

Assalamualaikum wr. wbt.,

PEMBERITAHUAN

Tuan/Puan,

SKIIYI HAFAZ AL-QURAN DEWASA TERBUKA NEGERI TERENGGANU PENGGAL PERTANIA
TAHUN 1439H/ 2018NI

Adalah dimaklumkan kepada muslimin dan muslimat sekalian bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan ini akan mengadakan SKII HAFAZ AL-QURAN DEWASA TERBUKA NEGERI TERENGGANU PENGGAL PERTANIA tahun 2018.

2. Dalam kaitan ini, adalah dipelawa kepada sesiapa yang berminat dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan menyertai program ini sebagaimana berikut :-

- i. Beragama Islam.
- ii. Rakyat Negeri Terengganu yang bermastautin di negeri ini.
- iii. Tahap minima hafaz adalah tidak kurang dari 7 juzu' pertama mengikut susunan mashaf.
- iv. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 29 tahun bagi mereka yang memohon tahap di bawah 30 juzu'.
- v. Seseorang yang berumur 30 tahun dan ke atas hendaklah memasuki tahap 30 juzu'.
- vi. Mana-mana pelajar dan Lulusan Maahad Tahfiz atau mana-mana Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran atau yang seumpama dengannya yang ingin menyertai ujian ini hendaklah memasuki ujian tahap 30 juzu'.
- vii. Bersedia dan sanggup memberi sumbangan sukarela di Negeri Terengganu sahaja iaitu di tempat-tempat yang diarahkan atau dipersetujui oleh Jabatan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Penyertaan masyarakat/kanak-kanak (pelajar-pelajar tuan/puan) dalam sumbangan tersebut hendaklah melebihi 10 orang. Sumbangan bermaksud :
 - a. Pengajaran Kelas Al-Quran.
 - b. Kelas Fardhu Ain.
 - c. Mengajar Bahasa Arab.
 - d. Mengajar Ilmu Tafsir Al-Quran, Tajwid, Feqah dan lain-lain.
- viii. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang JHEAT/D 2017 yang boleh didapati dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Dakwah) dan Pejabat Agama Daerah masing-masing dan juga boleh didapati dengan melayari laman web [ht:tp://jheatweb.terengganu.gov.my](http://jheatweb.terengganu.gov.my) Bagi Hafiz/pemohon 30 juzu' hendaklah mengisi Borang Maklumat Sumbangan Sukarela berkembar.

3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke **Pejabat Agama Daerah** masing-masing sebelum **14 DISEMBER 2017**.
4. Untuk keterangan lanjut sila berhubung melalui alamat atau telefon sepertimana berikut :-

BIL.	ALAMAT DAERAH	NO. TELEFON
1.	Bahagian Dakwah, Tingkat 4, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu.	09-6252525 Samb. 5365/5372
2.	Pegawai Agama Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu.	09-6252525 Samb. 3021
3.	Pegawai Agama Daerah Kemaman, Pejabat Agama Daerah Kemaman, 24000 Kemaman.	09-8591262
4.	Pegawai Agama Daerah Dungun, Pejabat Agama Daerah Dungun, 23000 Dungun.	09-8481255
5.	Pegawai Agama Daerah Besut, Pejabat Agama Daerah Besut, 22200 Besut.	09-6956249
6.	Pegawai Agama Daerah Hulu Terengganu, Pejabat Agama Daerah Hulu Terengganu, 21700 Hulu Terengganu.	09-6811215
7.	Pegawai Agama Daerah Marang, Pejabat Agama Daerah Marang, 21600 Marang.	09-6182317
8.	Pegawai Agama Daerah Setiu, Pejabat Agama Daerah Setiu, 22100 Setiu.	09-6099504

Sekian, terima kasih.

" TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI WAN MOHD BIN WAN IBRAHIM)
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama,
Terengganu.